

# Ambil Sijil Asasi Sains pilihan tepat bagi pelajar cemerlang lepasan SPM

UB 28-8-2015 A16



**TIGA** daripada empat orang penerima anugerah khas yang diumumkan semasa Majlis Penyampaian Sijil Asasi Sains, Pusat Persediaan Sains dan Teknologi UMS, (kiri-kanan) Kenneth Eusebius, Muhammad Izzuddin dan Nur Shafikah.

**KOTA KINABALU:** Menolak tawaran melanjutkan pengajian di matrikulasi dan kemudiannya memutuskan mengambil Sijil Asasi Sains di Universiti Malaysia Sabah (UMS) ternyata satu pilihan yang tepat dilakukan oleh Muhammad Izzuddin Rumaling.

ia kerana beliau bukan sahaja berjaya memperoleh keputusan cemerlang dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0, beliau juga dinobatkan sebagai penerima Anugerah Naib Canselor (Asasi Sains) semasa Majlis Penyampaian Sijil Asasi Sains kali kelima UMS, di sini kelmarin.

Pelajar yang bercita-cita menjadi seorang pensyarah ini berkata, beliau menggunakan masa yang ada selama setahun mengikuti kursus peringkat sijil berkenaan dengan sebaiknya bagi memastikan beliau dapat melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di UMS dalam bidang Fizik dan Elektronik.

Anak bongsu dari tujuh beradik ini berkata, keputusan melanjutkan pengajian dalam kursus

Asasi Sains itu adalah pilihan yang tepat kerana ia menjanjikan tempat di UMS setelah tamat pengajian.

Bagaimanapun, pembelajaran di peringkat kursus ini tidak boleh dipandang remeh kerana jika gagal meraih keputusan yang baik, pelajar tidak akan diterima masuk ke peringkat seterusnya.

Ditanya mengenai keputusannya memilih mengambil Kursus Asasi Sains di UMS berbanding matrikulasi, Muhammad Izzuddin berkata UMS lebih dekat dengan tempat tinggalnya dan melalui program itu, ia menjanjikan tempat untuknya terus melanjutkan pengajian di situ.

“Dengan menyertai kursus ini, kedua-dua kaki saya sudah melangkah masuk ke universiti. Saya hanya perlu memastikan saya memperoleh keputusan cemerlang bagi memastikan saya terus kekal meneruskan pengajian di sini,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyampaian Sijil Asasi Sains sesi 2014/2015, Pusat Persediaan Sains dan Teknologi UMS.

Bekas pelajar Maktab Sabah ini berkata, dengan keputusan 10A dan 1B semasa peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) beliau berjaya diterima masuk ke UMS untuk menyertai kursus berkenaan, walaupun beliau turut menghadiri temuduga untuk menyertai Kursus Asasi Sains di Universiti Malaya (UM).

Turut berkongsi kegembiraan dinobatkan sebagai penerima anugerah khas semasa majlis itu adalah Nur Shafikah Abd Rahman.

Pelajar ini berkata, usaha yang dicurahkan sepanjang setahun menyertai kursus itu dirasakan sangat berbaloi apabila beliau diumumkan sebagai penerima Anugerah Pelajar Harapan dengan catatan PNGK 3.47.

Pelajar yang bercita-cita melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan kimia ini juga berhasrat menjadi seorang pensyarah.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kolombong yang memperoleh keputusan 9A 1B semasa SPM ini berkata, walau berdepan dengan ramai saingan sepanjang menyertai kursus itu namun, beliau menjadikan saingan itu sebagai cabaran untuk menjadi yang terbaik antara yang terbaik.

Anak kepada seorang anggota polis yang berasal dari Terengganu ini berkata, walaupun beliau terpaksa menolak tawaran matrikulasi tetapi beliau tidak pernah menyesali pilihan yang dibuat.

“Melanjutkan pengajian dalam bidang Asasi Sains di UMS itu adalah pilihan yang paling tepat kerana minggu depan, saya serta rakan lain sudah boleh melanjutkan pengajian di peringkat ijazah di UMS. Itulah kebaikan menyertai kursus ini.

“Peluang melanjutkan pengajian di universiti memang sudah terbuka luas dan kami hanya perlu mengatur langkah dengan bijak untuk memastikan kami berjaya merebut peluang itu,” katanya.